

R&R Seremban arah selatan sedia keperluan konsep lestari

Pelbagai teknologi, kemudahan tingkat keselesaan pengguna

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Seremban: Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (arah selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan dengan kemudahan Surau PLUS MADANI yang dirasmikan di sini semalam, adalah R&R lestari pertama di lebuhraya negara ini.

Pembangunan semula R&R Seremban selatan yang terletak di Kilometer 274.6 di antara persimpangan bertingkat Bandar Baru Nilai dan Bandar Ainsdale, membabitkan kos RM45 juta dibina bagi memenuhi keperluan pengguna yang semakin meningkat dengan mengambil kira pembangunan infrastruktur yang lestari.

Reka bentuk berwajah baharu R&R Seremban selatan juga memperoleh pensijilan Green Building Index (GBI) Gold Rating dan juga dibina semula dengan menggunakan bahan binaan lestari.

R&R berkenaan adalah yang pertama dilengkapi dengan teknologi hijau seperti panel solar, stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV), sistem penuaian air hujan, mesin pengomposan sisa, tong kitar semula fabrik dan 3R, serta bekas pembungkusan biodegradasi.

Selain itu R&R berkenaan menawarkan medan selera yang hampir lapan kali ganda lebih besar berbanding asal dan boleh me-



Anwar bersama Alexander (kiri) dan Ahmad Maslan (dua dari kanan) meninjau fasiliti sekitar surau R&R Seremban pada Majlis Perasmian Kawasan Rehat dan Rawat Seremban (arah selatan) di Seremban, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

nampung lebih 500 pengunjung, selain reka bentuk surau lebih selesa yang boleh menampung sehingga 150 jemaah lelaki dan 150 jemaah wanita.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam ucapan perasmian, menyifatkan pembangunan R&R lestari pertama ini adalah permulaan penting terhadap arah tuju negara dalam menyantuni rakyat dengan memberikan keutamaan kepada kemudahan yang memanfaatkan mereka.

"Saya sudah lalu di lebuhraya berpuluh tahun, belum pernah ada (R&R) seindah ini dengan konsep lestari sebegini rupa. Rakyat Seremban dan Negeri Sembilan memang bertuah, ia satu permulaan yang baik bagi peniaga dan rakyat.

"Menariknya ialah kelestarian solar di atas, air hujan untuk kegunaan bilik air dan tandas. Jadi saya tekankan di sini bahawa R&R Seremban Arah Selatan harus jadi permulaan penting bagi semua

lebuhraya di negara kita, ini adalah contohnya," katanya.

Surau PLUS MADANI di R&R itu diinspirasi daripada enam tonggak MADANI, dilihat bakal menjadi penanda aras baharu bagi inovasi dan kecemerlangan, selain mengekalkan keseimbangan ekologi.

Kemudahan yang dibuka secara rasmi kepada orang ramai mulai semalam itu turut menampilkan reka bentuk moden, lestari, mesra pengguna dan ciri reka bentuk khas bagi orang kurang upaya.

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dalam hebahan media mengenai kemudahan itu, berhasrat menjadikan Surau PLUS MADANI sebagai perintis pembaharuan terhadap 284 kemudahan surau lain sepanjang lebuhraya kendalian syarikat konsesi berkenaan.

Berciri terbuka, Surau PLUS MADANI itu dilengkapi sistem

pengudaraan semula jadi, membolehkan pengguna berasa lebih selesa ketika solat.

Kemudahan yang menampilkan reka lantai parket bagi mengelak haruman kurang menyenangkan itu turut dilengkapi tempat duduk kekal bagi jemaah berkeperluan khas.

Bagi menampilkan elemen kelestarian, Surau PLUS MADANI menggunakan air hujan dikitar semula sebagai medium jemaah untuk berwuduk, selain dilengkapi kemudahan solar bagi menjana elektrik.

Dibina dengan siling tinggi, Surau PLUS MADANI turut memaksimumkan pengudaraan dan pencahayaan semula jadi melalui laman terbuka, mewujudkan persekitaran terang serta mengoptimalkan penggunaan tenaga dan penyelenggaraan.

Perdana Menteri ketika meninjau sendiri surau berkenaan, menyifatkan Surau PLUS MADANI itu sebagai terbaik berbanding

keseluruhan surau di kawasan R&R di negara ini.

"Biasanya, surau di R&R (keadaannya kurang memuaskan)... saya tak tahan dengan baunya, tempat sempit. Namun, Surau PLUS MADANI ini adalah surau terbaik pernah saya lihat.

"Menggunakan pengudaraan dan air semula jadi, (sistem) solar. Saya ucapkan terima kasih," katanya.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun serta Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan timbalannya, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Turut hadir, Setiausaha kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Zafir Ibrahim; Pengerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Seri Hasni Mohammad dan Pengerusi PLUS Malaysia Berhad, Datuk Mohamad Nasir Ab Latif.